

# Penyelidik NUS cipta produk ubah gas asli cecair jadi padat

SEKUMPULAN penyelidik daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) telah membangunkan sebuah produk baru yang dapat mengubah gas asli dalam bentuk cecair menjadi bentuk padat dalam tempoh 15 minit, memudahkan penyimpanan dan pengangkutan gas secara selamat dan pantas.

Ia juga akan dapat meningkatkan keselamatan bekalan tenaga Singapura pada jangka panjang, menurut universiti itu dalam satu kenyataannya semalam.

Gas asli biasanya disimpan dalam bentuk cecair pada -160 darjah Celcius atau dengan memampatkannya hingga hampir 250 kali daripada tekanan atmosfera.

Namun, cara itu menimbulkan cabaran kerana kosnya lebih tinggi atau tidak selamat jika disimpan terlalu lama.

Untuk menangani cabaran itu, pasukan NUS yang dipimpin Profesor Madya Praveen Linga daripada Fakulti Kejuruteraan memperkenalkan “campuran adiitif beracun rendah”, yang mempercepat penukaran gas asli menjadi bentuk padat yang tidak boleh meletup.